



جابتن ائام اسلام ٲيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(102)

Tarikh: **10** Rejab 1447
31 Disember 2025

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibaca di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	2 Januari 2026 / 12 Rejab 1447
Tajuk	Menghadapi Cabaran Tahun 2026

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah

"PERAK SEJAHTERA 2030"



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"MENGHADAPI CABARAN TAHUN 2026"

2 Januari 2026 / 12 Rejab 1447

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ¹، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ²، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ³، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi

Marilah kita meningkatkan iman dan memperteguh takwa. Taatilah Allah dengan sepenuh jiwa, dengan kekuatan iman yang berjaya menghadapi dugaan berat untuk mengawal nafsu dan ujian duniawi. Insaflah, dunia hanyalah persinggahan sementara, sedang akhirat negeri yang kekal abadi. Melangkah ke tahun baharu 2026 Masihi, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"MENGHADAPI CABARAN TAHUN 2026"

Firman Allah SWT:

﴿قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ۝ ١ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ۝ ٢ وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ۝ ٣ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ۝ ٤ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ۝ ٥ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ۝ ٦ فَمَنْ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ۝ ٧ وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِنَتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ۝ ٨ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ۝ ٩﴾

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

Bermaksud: Sesungguhnya telah berjayalah orang yang beriman. Iaitu orang yang khusyuk dalam solat mereka. Dan orang yang menjauhkan diri daripada (perbuatan dan perkataan) yang tidak berguna. Dan orang yang menunaikan zakat. Dan orang yang menjaga kehormatan mereka. Kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba sahaya yang dimiliki mereka, maka sesungguhnya mereka tidak tercela. Tetapi sesiapa mencari selain itu, maka mereka itulah orang yang melampau batas. Dan orang yang menunaikan amanah dan janji mereka. Dan mereka yang memelihara solat mereka. (Surah al-Mukminun ayat 1-9)

Alhamdulillah, hari ini dengan rahmat dan izin Ilahi, kita dikurniakan usia, membolehkan kita melangkah masuk ke hari kedua tahun 2026. Semoga tahun baharu membawa kejayaan lebih gemilang dalam hidup kita, dengan niat dan usaha kita untuk meningkatkan iman dan memperteguh takwa, memperbanyakkan ibadah, beramal soleh, menyempurnakan amanah, bekerja secara lebih tekun, lebih bersungguh menimba ilmu pengetahuan, di samping memberikan masa yang berharga kepada anggota keluarga. Semoga tahun 2026 membawa pelbagai kejayaan dalam hidup serta kerjaya kita.

Ayat 1 hingga 9 surah al-Mukminun yang khatib perdengarkan, menghuraikan tujuh sifat yang menjadikan orang mukmin berjaya.

Pertama: Orang yang beriman; yang pasti berjaya mencapai keselamatan hidup di dunia dan kebahagiaan yang kekal di akhirat; mereka melakukan suruhan Allah SWT dan menjauhi larangan Nya.

Kedua: Orang yang khusyuk dalam solat kerana solat yang sempurna ialah solat yang dilakukan dengan khusyuk, dengan sepenuh-penuh hormat dan ingatan meliputi anggota-anggota badan dan hati.

Ketiga: Orang yang menjauhkan diri daripada (perbuatan dan perkataan) yang tidak berguna.

Keempat: Orang yang menunaikan zakat.

Kelima: Orang yang menjaga kehormatan; iaitu mereka yang menjaga nafsu syahwatnya daripada perbuatan zina.

Keenam: Orang yang menunaikan amanah dan janji mereka; apabila diberikan amanah, mereka tidak mengkhianatinya; apabila mereka berjanji, mereka tidak mencabulinya bahkan mereka akan menepatinya atas keinsafan perbuatan khianat dan mencabuli janji itu merupakan sifat orang munafik.

Ketujuh: Orang-orang yang memelihara solat mereka; iaitu orang yang tetap mendirikan solat pada waktunya dengan cara yang sempurna.

Allah SWT menggariskan tujuh ciri yang perlu ada pada seorang mukmin untuk berjaya. Daripada tujuh ciri tersebut, hanya dua yang berkait hubungan dengan Allah SWT, iaitu khusyuk dalam solat dan memelihara solat; sedangkan lima lagi menyentuh hubungan sesama manusia merangkumi keimanan, menjauhi percakapan dan perbuatan sia-sia, menginfakkan harta dan mengeluarkan zakat, menjaga kehormatan diri, memelihara amanah dan menepati janji.

Jemaah yang dimuliakan

Islam menuntut ummah berusaha menjadikan hari baharu yang bakal dilalui sentiasa lebih baik berbanding hari semalam. Bagi mencapai maksud tersebut, melangkah masuk ke tahun baharu 2026 Masihi, mimbar menyeru agar ummah meletakkan lima niat dan azam berikut:

Pertama: Khusyuk dalam solat dan memelihara solat: Semaikan niat dan amalkan sifat mengutamakan solat; ditinggalkan apa juga tugas lain sebaik azan berkumandang menandakan masuk waktu solat; disempurnakan solat sebaik-baiknya secara berjemaah, diimarahkan masjid termasuk surau yang dibangunkan di bangunan-bangunan pejabat dengan ketua-ketua pejabat menunjukkan contoh teladan terbaik bersolat jemaah bersama kakitangan; dan solat dilaksanakan secara khusyuk dalam keadaan takut dan tenang; takut sekiranya Allah tidak menerima solat kita, dan pada yang sama menyerah sepenuh harap agar solat kita diterima Ilahi.

Kedua: Hindari diri daripada perkara yang sia-sia sama ada secara lisan atau perbuatan, sama ada mengumpat, memfitnah, menyebarkan berita palsu, mengadu domba, terlibat dalam kegiatan-kegiatan hiburan secara keterlaluan

yang mengkhayalkan, berpelesiran, menonton bahan-bahan lucah, berjudi, dan sebagainya.

Ketiga: Insaf bahawa pendapatan dalam bentuk gaji dan imbuhan begitu juga hasil serta keuntungan perniagaan, ternakan dan pertanian ialah rezeki kurniaan Illahi. Hargai nikmat kekayaan kurniaan Illahi dengan menunaikan zakat, melakukan wakaf, infak dan sedekah, dengan niat membantu kumpulan miskin dan daif yang sangat memerlukan sebagai tanda syukur kita kepada Illahi.

Keempat: Pelihara kehormatan diri dan ahli keluarga daripada mendekati dan terjerumus melakukan perbuatan zina atau yang mendorong kepada zina. Bina rasa kasih sayang dalam keluarga dengan memberikan lebih banyak masa yang berharga kepada keluarga.

Kelima: Sempurnakan amanah yang diberikan, dan penuhi janji, dengan rasa insaf bahawa perbuatan memecah amanah dan memungkiri janji ialah sifat orang munafik; perbuatan yang bersifat penganiayaan dan boleh menyebabkan kesusahan kepada pihak yang dianiayai; sedarilah! perbuatan pecah amanah dan memungkiri janji merupakan hutang yang akan dipersoalkan dan ditimbang pada hari kebangkitan di Padang Mahsyar.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَثْبِثْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, bimbing kami dengan cahaya petunjuk Mu untuk menjalani kehidupan pada tahun 2026 secara lebih baik berlandaskan syariat Mu. Bimbing kami menemui kaedah penyelesaian berhikmah dalam mendepani apa sahaja cabaran dan dugaan hidup. Lindungi kami dan ahli keluarga kami daripada sebarang

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

penyakit, bencana, kemalangan dan mala petaka; kurniai kami kejayaan yang lebih cemerlang dan gemilang.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Malikul Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.